

SEJARAH DASAR LUAR MALAYSIA-EROPAH TIMUR 1957-1977 DALAM KONTEKS HUBUNGAN EKONOMI

(HISTORY OF MALAYSIA'S FOREIGN POLICY TOWARDS EASTERN EUROPE 1957-1977 IN THE
CONTEXT OF ECONOMIC RELATIONS)

IBRAHIM, M. A.^{1*} – SAIRAN, M. A. A.²

¹ *Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.*

² *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah,
Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: akmalibrahim13[at]um.edu.my*

(Received 19st March 2025; revised 05th June 2025; accepted 14th June 2025)

Abstrak. Kajian ini meneliti perkembangan hubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur dari tahun 1957 hingga 1977. Fokus kajian adalah pada dua fasa utama: era Tunku Abdul Rahman (1957-1970) dan era Tun Abdul Razak (1970-1977) sebagai Perdana Menteri Malaysia, untuk menganalisis hubungan ekonomi dengan negara-negara Eropah Timur. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan ekonomi dari aspek perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara Eropah Timur. Kajian ini merupakan kajian sejarah yang berdasarkan dokumen dan data statistik mengenai hubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur. Kajian ini menarik kerana pada awal kemerdekaan, hubungan perdagangan dan pelaburan ekonomi Malaysia lebih tertumpu kepada negara-negara maju di Eropah Barat berbanding Eropah Timur. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, menjalankan dasar luar yang pro-Barat dan anti-komunis, yang turut mempengaruhi hubungan ekonomi dengan negara-negara Eropah Timur kerana perbezaan ideologi komunis dan sosialis. Ini mengurangkan perhatian terhadap hubungan politik dan diplomatik antara negara-negara Eropah Timur berbanding negara-negara Eropah Barat yang menjalankan pelbagai kerjasama politik dan ekonomi. Walaupun begitu, hubungan perdagangan tetap dijalankan dengan negara-negara Eropah Timur seperti USSR, Poland, Yugoslavia, dan Czechoslovakia pada era awal kemerdekaan. Namun, apabila Tun Abdul Razak dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua, beliau mengubah dasar luar kepada dasar yang pragmatik, neutral, dan berkecuali terhadap konflik kuasa-kuasa besar, serta menjalankan kerjasama dengan semua negara. Ini membuka ruang dan peluang yang lebih besar dalam kerjasama ekonomi dengan negara-negara Eropah Timur, bukan sahaja dalam sektor perdagangan tetapi juga dalam bidang pelaburan ekonomi.

Katakunci: *Eropah Timur, ekonomi, perdagangan, dasar luar Malaysia*

Abstract. This study examines the development of Malaysia's economic relations with Eastern European countries from 1957 to 1977. The research focuses on two main phases: the era of Tunku Abdul Rahman (1957-1970) and the era of Tun Abdul Razak (1970-1977) as Malaysia's Prime Ministers, to analyze economic relations with Eastern European countries. The objective of this study is to explore economic relations in terms of trade and investment with Eastern European nations. This is a historical study based on documents and statistical data regarding Malaysia's economic engagement with these countries. The study is particularly interesting because, in the early years of independence, Malaysia's trade and economic investments were primarily focused on developed countries in Western Europe rather than Eastern Europe. Tunku Abdul Rahman, Malaysia's first Prime Minister, pursued a pro-Western and anti-communist foreign policy, which also influenced economic relations with Eastern European countries due to ideological differences between communism and socialism. This resulted in less attention being given to political and diplomatic ties with Eastern European nations compared to Western European countries, which engaged in various political and economic collaborations. Nevertheless, trade relations were still maintained with Eastern European countries such as the USSR, Poland, Yugoslavia, and Czechoslovakia

during the early years of independence. However, when Tun Abdul Razak became Malaysia's second Prime Minister, he shifted the foreign policy towards a more pragmatic, neutral, and non-aligned stance regarding major power conflicts, promoting cooperation with all nations. This shift created greater opportunities for economic collaboration with Eastern European countries, not only in trade but also in economic investments.

Keywords: *Eastern Europe, economy, trade, Malaysia's foreign policy*

Pengenalan

Sejak merdeka, Malaysia terus menjalin hubungan luar untuk memastikan kelangsungan politik antarabangsa serta kerjasama ekonomi dan keselamatan yang dapat menjamin kepentingan negara. Pada awal kemerdekaan, Malaysia mengadakan hubungan dua hala untuk memastikan keamanan dan kemakmuran negara dengan menjalin hubungan baik dengan semua negara. Namun, suasana politik dunia ketika itu berada dalam keadaan dwipolar, di mana berlaku Perang Dingin antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi Malaysia dalam menentukan hala tuju dasar luar bagi memastikan kelangsungan dan kepentingan negara. Tunku Abdul Rahman, bapa kemerdekaan Malaysia, memutuskan dasar luar yang lebih pro-Barat dan anti-komunis, dengan mengambil kira suasana keselamatan dan pertimbangan ekonomi Malaysia yang bergantung kepada negara-negara kapitalis Barat. Walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan, kebergantungan terhadap British amat tinggi, terutama dari segi keselamatan dan ekonomi. Selain itu, Amerika Syarikat juga memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi negara kerana ia merupakan antara penyumbang terbesar dalam sektor ekonomi, sama ada dalam pelaburan mahupun perdagangan. Rakan-rakan ekonomi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia termasuk Jepun, Britain, Perancis, Kanada, dan beberapa negara utama Eropah yang lain.

Perbezaan ideologi dan sistem ekonomi dengan beberapa negara Eropah Timur yang mendukung komunisme dan sosialisme menyebabkan hubungan dengan negara-negara tersebut agak terbatas. Tambahan pula, dasar luar Tunku Abdul Rahman yang pro-Barat dan anti-komunis menyebabkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara Eropah Timur terbatas. Walaupun begitu, dasar luar Malaysia ketika itu tidak begitu membataskan aktiviti perdagangan kerana perdagangan masih dijalankan dengan negara-negara Eropah Timur walaupun dalam nilai dagangan yang kecil. Namun, transformasi yang lebih pragmatik dalam dasar luar Malaysia semasa era Tun Abdul Razak mula melihat potensi kerjasama ekonomi yang lebih luas dengan negara-negara Eropah Timur. Kajian ini akan meneliti perkembangan hubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur dari tahun 1957 hingga 1977, melalui dua fasa era perdana menteri di bawah Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian sejarah ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder, termasuk fail dan dokumen rasmi. Antara dokumen yang dianalisis adalah ucapan rasmi Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Selain itu, kajian ini juga melibatkan dokumen berkaitan perjanjian ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan negara-negara Eropah Timur, dokumen dari Kementerian Luar Negeri Malaysia, serta data dari Jabatan Perangkaan yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Terdapat beberapa kajian yang meneliti hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara-negara Eropah Timur. Salah satu kajian yang relevan ialah artikel bertajuk "The Colonial Economy, 1967: The Case of Malaysia" oleh Dodd (1969), yang menyediakan analisis terperinci mengenai keadaan ekonomi Malaysia pada tahun 1967, dengan fokus khusus kepada kesan penjajahan British. Kajian ini meneliti bagaimana struktur ekonomi dan sosial Malaysia selepas merdeka pada tahun 1957 masih banyak dipengaruhi oleh dasar-dasar dan institusi yang dibentuk semasa era kolonial. Sebelum mencapai kemerdekaan, ekonomi Malaysia (ketika ini dikenali dengan nama Tanah Melayu) sangat bergantung pada eksport bahan mentah seperti bijih timah dan getah, yang menjadi sumber utama pendapatan negara. Aktiviti ekonomi pada masa itu diatur untuk memenuhi kepentingan penjajah British, di mana hasil pengeluaran lebih banyak menguntungkan ekonomi Britain dan rangkaian kolonialnya. Selain itu, Dodd turut menegaskan bahawa sistem ekonomi kolonial ini berasaskan model ladang besar, di mana pemilikan tanah dan pengeluaran hasil pertanian dikuasai oleh pelabur British serta sekumpulan kecil elit tempatan yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak penjajah.

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia berhadapan dengan cabaran besar untuk mentransformasikan ekonominya yang sebelumnya bergantung pada eksport sumber alam kepada ekonomi yang lebih pelbagai dan seimbang. Walaupun kerajaan telah memulakan langkah-langkah untuk melaksanakan dasar pembangunan ekonomi yang lebih inklusif serta menggalakkan pelaburan domestik, kesan sistem ekonomi kolonial masih ketara dan sukar diatasi. Kajian oleh Dodd (1969) turut menekankan usaha awal kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi terhadap Britain dan menarik lebih banyak pelaburan asing dari pelbagai negara. Namun, pada tahun 1967, pengaruh Britain dalam sektor ekonomi Malaysia masih dominan, menunjukkan betapa sukarnya untuk melepaskan diri sepenuhnya daripada legasi kolonial. Artikel tersebut menyimpulkan bahawa struktur ekonomi Malaysia pada tahun 1967 masih jelas mencerminkan kesan penjajahan, terutamanya dalam tumpuan berlebihan terhadap industri komoditi dan kebergantungan yang tinggi terhadap pelaburan asing. Walaupun pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk memodenkan ekonomi, perubahan sebenar memerlukan masa dan usaha yang lebih gigih.

Selain itu, buku "An Economic History of Malaysia, C. 1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth" oleh Drabble (2000) memberikan analisis mendalam mengenai perubahan ekonomi Malaysia dari abad ke-19 hingga akhir abad ke-20. Fokus utama kajian ini adalah peralihan ekonomi negara dari bergantung pada sektor pertanian dan komoditi kepada pertumbuhan ekonomi moden yang lebih pelbagai dan industrialisasi. Buku ini memulakan kajiannya dengan membincangkan ekonomi Malaysia pada awal abad ke-19, yang sangat bergantung pada perdagangan komoditi, terutamanya bijih timah dan getah. Ekonomi semasa ini sangat dipengaruhi oleh sistem perdagangan luar, terutama dengan China dan India, serta pengaruh kerajaan-kerajaan tempatan. Penjajahan British pada abad ke-19 memperkenalkan struktur ekonomi kolonial yang berfokus kepada sumber alam, yang memanfaatkan kepelbagaian sumber alam Malaysia. Di bawah pemerintahan British, sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah berkembang pesat, namun keuntungan utama dari sektor-sektor ini dikirimkan ke luar negara, khususnya ke Britain. Sektor perladangan, terutamanya getah, dan perlombongan bijih timah menjadi tonggak utama ekonomi Malaysia pada

penghujung abad ke-19. Penulis menekankan bagaimana kedatangan pelaburan asing dan penggunaan tenaga buruh yang banyak, termasuk buruh migran dari China dan India, memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi ini.

Buku ini turut membincangkan peranan kerajaan British dalam menyediakan insentif dan membangunkan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan sektor ekonomi utama. Antara langkah yang diambil termasuk pembinaan jalan raya, pelabuhan, dan sistem pengangkutan yang lebih efisien. Namun, selepas kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia berdepan dengan cabaran besar untuk mengurangkan kebergantungan ekonominya terhadap sektor pertanian dan komoditi tradisional seperti getah dan bijih timah. Walaupun terdapat usaha untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negara, eksport komoditi ini masih menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia pada masa itu. Buku ini juga mengkaji bagaimana Malaysia, terutamanya pada dekad 1970-an dan 1980-an, mula mengorak langkah ke arah pembangunan sektor perindustrian dan pemodenan ekonomi. Pelaburan dalam industri pembuatan, khususnya dalam bidang elektronik dan produk berteknologi tinggi, mula berkembang pesat. Perkembangan ini disokong oleh dasar-dasar kerajaan yang bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran domestik dan menarik pelaburan asing. Penulis turut menegaskan bahawa sektor perladangan, walaupun masih memainkan peranan penting, mula kehilangan pengaruhnya sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara. Di samping itu, pengenalan teknologi baharu serta kemunculan sektor minyak dan gas telah memberikan impak yang signifikan terhadap transformasi ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan, Drabble (2000) menyimpulkan bahawa peralihan Malaysia daripada ekonomi berasaskan komoditi kepada ekonomi moden yang lebih pelbagai adalah hasil daripada proses transformasi yang panjang dan berterusan. Proses ini melibatkan perubahan struktur ekonomi, dengan tumpuan yang lebih besar diberikan kepada sektor perindustrian dan teknologi tinggi, serta pelaksanaan dasar-dasar pembangunan yang proaktif oleh kerajaan untuk menyokong pertumbuhan sektor-sektor baharu.

Salah satu artikel yang membincangkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Kesatuan Soviet ialah "Malaysia and the Soviet Union: A Relationship with a Distance" oleh Nathan (1987). Artikel ini meneliti dinamik hubungan antara kedua-dua negara sepanjang abad ke-20, dengan memberi tumpuan kepada interaksi dalam bidang politik, ekonomi, dan diplomatik. Kajian ini menekankan bahawa jarak geografi, perbezaan ideologi, serta faktor-faktor global yang lebih luas telah mempengaruhi corak hubungan mereka. Hubungan antara Malaysia dan Kesatuan Soviet mula terjalin selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak berkembang dengan pesat pada peringkat awal disebabkan oleh perbezaan ideologi yang ketara. Malaysia, yang mengamalkan sistem kapitalis dan demokrasi, mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara Barat, manakala Kesatuan Soviet merupakan sebuah negara komunis yang berpegang kepada prinsip Marxisme-Leninisme. Ketegangan semasa Perang Dingin antara blok Barat dan blok Timur, termasuk perbezaan dalam dasar luar kedua-dua negara, telah menghalang usaha untuk menjalin hubungan yang lebih erat. Malaysia, yang mengamalkan pendirian neutral dan tidak berpihak dalam dasar luar negerinya, berhati-hati untuk tidak terlibat dalam konflik ideologi antara kedua-dua blok tersebut. Sikap ini sebahagiannya dipengaruhi oleh ancaman komunis dalam negara, seperti pemberontakan Parti Komunis Malaya, serta situasi politik di rantau Asia Tenggara. Oleh itu, Malaysia memilih untuk mengekalkan jarak tertentu dengan Kesatuan Soviet, walaupun tidak menolak sepenuhnya interaksi diplomatik dan ekonomi yang terhad.

Pada dekad 1970-an, hubungan antara Malaysia dan Kesatuan Soviet menunjukkan sedikit peningkatan, terutamanya dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Malaysia mengambil pendekatan yang lebih pragmatik dengan mengukuhkan kerjasama dalam perdagangan dan pertukaran teknologi dengan Soviet. Walau bagaimanapun, hubungan politik antara kedua-dua negara tetap terhad akibat perbezaan ideologi dan pandangan yang ketara. Malaysia, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara Barat, tidak berminat untuk menjalin hubungan yang lebih erat dengan Kesatuan Soviet yang berpegang kepada prinsip komunis. Ketegangan semasa Perang Dingin turut menyukarkan usaha untuk memperkukuh hubungan antara kedua-dua negara. Kebanyakan negara di Asia Tenggara, termasuk Malaysia, lebih cenderung untuk menyokong blok Barat, yang menambah halangan kepada hubungan yang lebih mesra dengan Soviet. Secara umumnya, kajian-kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada aspek politik dan ideologi dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur. Namun, aspek kerjasama ekonomi antara Malaysia dan negara-negara Eropah Timur masih kurang diterokai dan dibincangkan secara mendalam dalam literatur sedia ada.

Definisi asas dasar luar

Menurut Frankel (1963), proses pembuatan keputusan dalam sesebuah dasar luar negara adalah tidak terhad. Beliau berpendapat bahawa keputusan tersebut mempunyai kesan yang signifikan kepada sistem global. Dalam erti kata lain, penulis menegaskan bahawa keputusan kerajaan untuk terlibat dalam dasar luar atau hubungan antarabangsa bukanlah dibuat secara eksklusif, tetapi melibatkan pelbagai pihak, sama ada individu atau kumpulan individu yang mewakili sesebuah negara. Biasanya, individu atau kumpulan ini terdiri daripada mereka yang memegang jawatan rasmi dan diiktiraf oleh perlembagaan, undang-undang, atau sistem pentadbiran yang sah. Oleh itu, keputusan yang dibuat oleh sesebuah negara akan memberi impak secara langsung mahupun tidak langsung kepada negara lain. Selain itu, Mas'oed (1994), merujuk kepada kenyataan yang dikemukakan oleh Lenche dan Samad (1963), menurut pandangan kedua-dua sarjana ini, dasar luar sebenarnya satu bentuk respons dan pantulan terhadap konteks tertentu, sama ada menerusi konteks politik antarabangsa mahupun domestik. Sungguhpun begitu, kajian lepas mendapati dasar luar bukan sekadar bergantung kepada tindakan pemimpin politik atau inisiatif peribadi mereka semata, bahkan dipengaruhi oleh situasi tertentu yang berlaku di negara lain (Lenche dan Samad, 1963). Hal ini bermaksud, tindakan terhadap negara dalam melaksanakan prinsip dasar luar banyak dipengaruhi oleh sistem yang telah wujud dalam hubungan luar negara (Mas'oed, 1994). Malah, penstukturian sistem berserta perubahan yang wujud sepanjang tahun turut memainkan peranan dalam membentuk tingkah-laku aktor dalam hubungan luar negara. Wujudnya sistem sedemikian dianggap sebagai persekitaran dasar (contextual policy environment) yang akan menentukan hubungan negara-bangsa.

Dalam pada masa yang sama, White (1989) memberikan definisi yang lebih mendalam berkenaan dasar luar, yakni dasar yang boleh difahami sebagai (i) aktiviti yang dijalankan oleh pihak kerajaan atau (ii) usaha kerajaan bagi menjalin hubungan antara negara menerusi tindakan yang diambil oleh pelaku politik (policy actor) dalam sistem antarabangsa. Definisi ini dengan jelas menggambarkan dasar luar sebagai bentuk kewujudan 'hubungan persahabatan' antara kerajaan berdaulat yang berasaskan undang-undang dan norma antarabangsa, namun sangat dipengaruhi oleh tindakan dan keputusan yang diambil oleh pelaku politik.

Sejarah perkembangan dasar luar ekonomi Malaysia

Secara ringkasnya, bahagian ini membincangkan tentang hubungan luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 1977. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, dasar luar negara telah banyak melalui fasa yang berbeza. Kajian ini cenderung kepada hubungan ekonomi dengan negara Eropah Timur berdasarkan tempoh pemerintahan dua Perdana Menteri Malaysia yang terawal. Sebagai contoh, era Tunku Abdul Rahman (1957-1970) dan Tun Abdul Razak (1970-1977). Di era Tunku Abdul Rahman, dasar luar Tanah Melayu atau Malaya (kini Malaysia) lebih menitik beratkan hubungan diplomatik dengan negara-negara jiran memandangkan Tanah Melayu pada ketika itu baru sahaja di merdekakan. Pada ketika ini Malaya dalam keadaan yang tidak stabil akibat daripada ancaman komunis dan kemampuan anggota keselamatan yang terhad (Omar, 2014). Selain itu, permasalahan hilangnya kepercayaan dan prasangka dikalangan masyarakat telah mengakibatkan perpecahan dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Situasi sebegini menyukarkan pembentukan dasar awam, dan Tunku juga dilihat berkecenderungan kepada pendirian yang pro-Barat. Hal ini terbukti menerusi dasar yang begitu bergantung kepada Barat dalam aspek ekonomi. Tanah Melayu telah memberikan tumpuan khusus bagi mendapatkan perlindungan dan harga yang stabil dari Barat, terutama berkenaan komoditi utama negara seperti getah dan bijih timah. Selain itu, dasar perdagangan bebas dengan Barat juga dilaksanakan. Bagi Tunku, pelaburan dari luar negara, khususnya dari Barat, dilihat sebagai sumber terpenting bagi penyediaan dana yang diperlukan bagi pertumbuhan dan rangsangan ekonomi Tanah Melayu. Bagi mencapai usaha itu, Tanah Melayu telah terlibat dalam pelbagai rundingan sama ada secara dua hala atau pelbagai hala, yang berkaitan dengan perjanjian perdagangan. Tujuannya tidak lain, untuk mengatasi halangan perdagangan dan memastikan psaran yang kukuh bagi barangan keluaran Tanah Melayu.

Bagi mencapai matlamat ini, Tanah Melayu telah bertindak menyertai Rundingan Piagam Pelaburan Multilateral di bawah United Nations Economic Commission for Asia and the Far East (ECAFE), iaitu sebuah Suruhanjaya Ekonomi Bangsa Bangsa Bersatu untuk Asia dan Timur Jauh pada 1958. Selain itu Tanah Melayu juga berusaha mendapatkan pelepasan cukai bagi industri perintis dalam negara bermula tahun 1958. Penyertaan negara dalam Perjanjian Timah Antarabangsa sekitar 1953 dan 1960, yang ditaja oleh British, merupakan sebuah langkah pragmatik bagi memperoleh harga yang lebih baik bagi industri timah, khususnya bagi negara-negara pengeluar. Secara umum, selepas pembentukan Malaysia, dasar ekonomi dan perdagangan tidak banyak berubah jika dilihat menerusi matlamat dan strategi hubungan ekonomi. Ia masih mengekalkan corak yang serua dengan era sebelum pembentukan Malaysia. Namun, wujud sedikit perubahan, yakni Malaysia mula menjalin hubungan ekonomi dengan negara komunis seperti USSR sebagai langkah awal ke arah hubungan diplomatik yang menyeluruh. Menerusi perjanjian perdagangan yang ditandatangani pada 1967, menjadi simbolik kepada perubahan orientasi ekonomi negara yang mula beralih ke arah menjalin hubungan perdagangan yang lebih erat dengan negara beraliran komunis. Sebagai bukti, selepas merdeka, Tanah Melayu telah menjalin hubungan perdagangan dengan USSR, namun hubungan tersebut tidak kukuh. Pada tahun 1958 sahaja, USSR hanya menguasai 3.9% eksport Tanah Melayu, dan negara tersebut tidak pernah menhadi destinasi import Tanah Melayu di tahun yang sama.

Bermula dengan perjanjian perdagangan pada tahun April 1967, Malaysia bersetuju menukar misi diplomatik dengan Rusia. Langkah ini diikuti dengan perjanjian

perhubungan diplomatik dengan negara Yugoslavia dan Bulgaria tahun 1969, manakala Czechoslovakia, Poland dan Romania juga dilaporkan sedang berusaha bagi menjalin hubungan dengan Malaysia ketika itu. Walaupun Malaysia mula menjalin hubungan ekonomi yang utuh dengan negara-negara komunis, di waktu yang bersamaan, Tanah Melayu masih mengekalkan kerjasama ekonomi dengan negara Barat. Faktor dalaman dilihat sebagai asas utama dalam dasar ini, memandangkan keperluan politik domestik dan sumbangan Barat yang besar dalam aspek kemajuan ekonomi dan perdagangan di Tanah Melayu. Di era Tun Razak mencatatkan transformasi yang signifikan dalam dasar luar Malaysia. Salah satu fokus utama beliau adalah memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara Islam dan mengalihkan pendekatan dasar luar daripada bersifat pro-Barat kepada politik dalaman Malaysia, yang dicirikan oleh peningkatan sentimen pro-Islam, antikolonial, berserta ketegangan etnik antara masyarakat Melayu dan Cina. Bagi mencapai matlamat ini beberapa langkah strategik telah diambil oleh kepimpinan Malaysia dalam menyesuaikan dasar luar dengan realiti dan keperluan domestik. Kepimpinan Tun Razak telah menjadikan dasar luar Malaysia lebih berkecuali dengan menjalankan dasar yang tidak berat sebelah dan menjalinkan hubungan diplomatik dengan semua negara kecuali negara tertentu tanpa membuat ideologi sendiri seperti era pentadbiran Tunku.

Di era beliau sebagai Perdana Menteri Kedua Malaysia dari tahun 1970 sehingga 1976 telah menonjolkan kebijaksanaannya dalam mengurus hal ehwal ekonomi antarabangsa. Tun Razak berusaha menjadikan Asia Tenggara sebagai ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom, and Neutrality) menerusi Deklarasi Kuala Lumpur. Penubuhan ZOPFAN telah menggalakan negara lain seperti Jepun bagi meningkatkan dan meluaskan perdagangan mereka dan meluaskan dasar perdagangan dengan negara ASEAN (Association of South East Asia Nations), khususnya Malaysia. Selain itu, Tun Razak juga menjalankan hubungan antarabangsa ekonomi bersama Jepun, yang pada ketika itu berada dalam kedudukan yang baik bagi membantu Malaysia dalam pembangunan ekonomi. Hal ini berikutan Jepun memiliki pengalaman yang luas dalam bidang teknologi dan latihan. Selain itu, Jepun juga memiliki golongan usahawan dan pengalaman bagi membantu pertumbuhan industri Malaysia agar mempunyai pasaran yang dapat menyerap produk export dunia membangun, dan mempunyai sumber-sumber yang boleh digunakan bagi memberi bantuan kepada Malaysia. Pada tahun 1970, sebanyak 18 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara adalah dengan negara Jepun. Jepun juga merupakan pelaburan asing keempat terbesar dalam syarikat-syarikat perintis Malaysia. Kedua-dua negara turut menjalin kerjasama dalam mempromosi dan menguatkan kerjasama serantau menerusi organisasi seperti Majlis Menteri untuk Pembangunan Ekonomi Asia Tenggara dan Bank Pembangunan Asia. Malaysia telah diberikan kredit Yen sebanyak RM (Ringgit Malaysia) 300 juta bagi membantu menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Terdapat juga perjanjian kedua-dua pihak bahawa akan ada mesyuarat tahunan di peringkat rasmi, yang akan diadakan secara bergilir-gilir di Malaysia dan Jepun bagi mengkaji semua hal tertunggak antara kedua negara. Selain itu, kepentingan Malaysia kepada ekonomi di luar negara dapat dilihat menerusi lawatan-lawatan dari negara luar bagi membincangkan hubungan ekonomi serta bertukar pendapat mengenai keadaan kewangan antarabangsa.

Hubungan ekonomi era pentadbiran Tunku Abdul Rahman dengan negara Eropah Timur

Walaupun pada era pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan anti-komunis, negara-negara Eropah Timur yang berideologi sosialis dan komunis tetap menjalin hubungan perdagangan dengan Malaysia. Dasar pro-Barat yang dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman menyebabkan sebahagian besar aktiviti perdagangan Malaysia tertumpu kepada negara-negara Eropah Barat seperti Britain, Perancis, Belanda, serta sekutu Barat seperti Amerika Syarikat dan beberapa negara Asia seperti Jepun dan Hong Kong (Saravanamuttu, 2010). Namun, ini tidak menghalang negara-negara Eropah Timur untuk terus terlibat dalam aktiviti ekonomi dengan Malaysia, walaupun pada skala yang lebih kecil. Fenomena ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan ideologi politik dan dasar luar antara Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur, hubungan ekonomi khususnya dalam sektor perdagangan masih dapat diteruskan. Walaupun nilai dagangan tidak setinggi dengan negara-negara Barat, interaksi ekonomi ini membuktikan bahawa kepentingan ekonomi dapat mengatasi halangan ideologi dalam hubungan antarabangsa. *Jadual 1* memaparkan komposisi peratusan eksport Malaysia dari tahun 1947 hingga 1960, iaitu tempoh yang merangkumi fasa sebelum kemerdekaan dan awal kemerdekaan negara. Getah mencatatkan peratusan eksport tertinggi, iaitu 64% dari tahun 1947 hingga 1955, sebelum menurun sedikit kepada 63% pada tahun 1956-1960. Selain getah, bijih timah merupakan komoditi eksport kedua terpenting dalam tempoh tersebut. Industri perlombongan bijih timah telah lama menjadi nadi ekonomi Malaysia sejak era kolonial British, dengan perkembangan teknologi yang ketara, daripada kaedah tradisional seperti mendulang kepada penggunaan teknologi moden seperti pam kelikir dan kapal korek. Peratusan eksport bijih timah menunjukkan turun naik yang menarik: pada tahun 1950, ia menyumbang 19%, meningkat kepada 21% pada tahun 1955, dan kemudian menurun kepada 17% pada tahun 1960 (Ibrahim, 2022). Data ini menggambarkan bahawa getah dan bijih timah merupakan dua komoditi utama yang mendominasi eksport Malaysia pada masa itu. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa beberapa negara Eropah Timur, termasuk Kesatuan Soviet dan Poland, turut mengimport getah dan bijih timah dari Malaysia, walaupun hubungan politik antara Malaysia dan negara-negara tersebut tidak begitu rapat.

Jadual 1. Komposisi peratusan eksport Malaysia, 1947-1960 (%).

Komoditi	1947-50	1951-55	1956-60
Getah	64.0	64.0	63.0
Bijih Timah	19.0	21.0	17.
Besi	0.3	1.0	4.0
Kayu Balak	1.0	1.0	2.0
Kelapa Sawit	2.0	2.0	2.0
Lain-lain	13.7	11.0	12.0
Jumlah	100	100	100

Pada tahun 1960 hingga 1968, Malaysia mengeksport getah ke beberapa negara Eropah Timur, termasuk Kesatuan Soviet (USSR) dan Poland. Getah tersebut digunakan terutamanya untuk menyokong sektor perindustrian di negara-negara tersebut. Data dalam *Jadual 2* menunjukkan bahawa eksport getah dari Malaysia Barat dan Singapura ke negara-negara Eropah Timur mengalami turun naik dari segi nilai dagangan. Perubahan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor politik antarabangsa, yang turut memberi kesan kepada keadaan ekonomi dan perdagangan. Selain itu, Malaysia pada masa itu lebih memfokuskan kerjasama ekonominya dengan

negara-negara sekutu di Eropah Barat. Pada tahun 1960, nilai eksport getah ke USSR berjumlah 71.456 juta, dan angka ini meningkat secara berterusan selama empat tahun sehingga mencapai 198.528 juta pada tahun 1963. Walau bagaimanapun, bermula dari tahun 1963 hingga 1965, nilai eksport getah ke USSR mula menurun, mencapai 195.470 juta pada tahun 1965. Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, yang menjejaskan hubungan serantau dan aktiviti perdagangan. Namun, selepas konfrontasi tamat, nilai eksport getah ke USSR kembali pulih dan meningkat kepada 238.970 juta pada tahun 1968. Konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia yang tercetus akibat pembentukan Malaysia pada tahun 1963 telah memberi kesan ketara terhadap hubungan Malaysia dengan beberapa negara Eropah Timur, terutamanya Kesatuan Soviet (USSR). Hubungan rapat antara Indonesia dan USSR semasa era konfrontasi telah mempengaruhi Soviet Union untuk mengurangkan import getah dari Malaysia dan lebih memihak kepada Indonesia (Ibrahim, 2022). Keadaan ini menyebabkan eksport getah Malaysia ke USSR mengalami penurunan selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun, hubungan antara Malaysia dan Indonesia mula pulih pada tahun 1966, dan ini secara tidak langsung membantu meningkatkan semula kadar eksport Malaysia ke negara-negara Eropah Timur. Peristiwa ini menunjukkan bahawa getah dan bijih timah kekal sebagai dua komoditi eksport utama Malaysia, bukan sahaja ke negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, dan Jepun, tetapi juga ke beberapa negara Eropah Timur seperti USSR dan Poland. Walaupun hubungan politik dan ekonomi Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur tidak seerat hubungannya dengan negara-negara Barat, perdagangan komoditi ini terus memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia

Jadual 2. Eksport getah Malaysia barat dan Singapura ke negara Eropah Timur 1960-1968.

Negara	1960	1961	1963	1964	1965	1966	1968
Poland	39,544	30,499	28,912	20,313	19,346	18,141	36,890
USSR	71,456	146,201	198,528	105,695	195,470	211,183	238,970

Jadual 3 memaparkan data perdagangan antara Persekutuan Tanah Melayu dan negara Eropah Timur pada tahun 1959. Dari segi import barangan berdasarkan nilai C.I.F. (Cost, Insurance, and Freight), Kesatuan Soviet (USSR) mencatatkan nilai tertinggi iaitu 1,180,174 juta, diikuti oleh Poland dengan 568,560 juta, dan Romania di tempat ketiga dengan 118,202 juta. Bagi eksport barangan berdasarkan nilai F.O.B. (Free On Board), USSR juga mendahului dengan nilai 205,356,632 juta, diikuti oleh Poland dengan 31,208,871 juta, dan Yugoslavia di tempat ketiga dengan 5,947,852 juta. Istilah C.I.F. merujuk kepada kos keseluruhan yang terlibat dalam proses mengimport barang, yang meliputi tiga komponen utama. Pertama, kos barang itu sendiri, termasuk kos pembelian dan pengeluaran. Kedua, kos insurans yang melindungi barang daripada risiko kerosakan atau kehilangan semasa dalam perjalanan dari negara pengeksport ke negara pengimport. Ketiga, kos pengangkutan yang merangkumi perbelanjaan untuk menghantar barang ke pelabuhan destinasi. Dalam perjanjian C.I.F., penjual bertanggungjawab untuk menanggung kos pengangkutan dan insurans sehingga barang tiba di pelabuhan destinasi, manakala pembeli akan menanggung kos selepas barang tersebut sampai. Eksport barangan berdasarkan terma F.O.B. (Free on Board) merujuk kepada perjanjian jual beli di mana penjual bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengangkut barang sehingga ia dimuatkan ke atas kapal di pelabuhan pengeksport. Dalam terma F.O.B., terdapat beberapa elemen penting yang perlu difahami. Pertama, penjual bertanggungjawab untuk menanggung semua kos dan risiko sehingga barang

berjaya dimuatkan ke atas kapal yang disediakan oleh pembeli. Selepas barang berada di atas kapal, tanggungjawab dan risiko berpindah kepada pembeli. Kedua, kos pengangkutan dari pelabuhan pengeksport ke destinasi akhir ditanggung sepenuhnya oleh pembeli. Ketiga, berkaitan insurans dan risiko, pembeli juga bertanggungjawab untuk mendapatkan insurans bagi melindungi barang tersebut sekiranya diperlukan, kerana risiko kerosakan atau kehilangan barang beralih kepada pembeli sebaik sahaja barang berada di atas kapal. Secara ringkasnya, dalam perjanjian F.O.B., penjual menanggung semua kos dan risiko sehingga barang dimuatkan ke kapal, manakala pembeli mengambil alih tanggungjawab untuk kos dan risiko selepas itu.

Jadual 3. *Perdagangan persekutuan Tanah Melayu dengan Eropah Timur 1959 (termasuk Perdagangan dengan Singapura).*


Negara	Import Barangan dalam \$ C.I.F.	Eksport Barangan dalam \$ F.O.B.
Poland	568,560	31,208,871
USSR	1,180,174	205,356,632
Yugoslavia	41,693	5,947,852
Romania	118,202	493,391

Rajah 1 dan *Jadual 4* menunjukkan nilai eksport Malaysia ke beberapa negara Eropah Timur, termasuk Czechoslovakia, Poland, dan USSR, dari tahun 1967 hingga 1970. Data tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara dalam nilai eksport sepanjang tempoh empat tahun tersebut. USSR mencatatkan nilai eksport tertinggi, iaitu RM195.9 juta pada tahun 1967, yang meningkat kepada RM212.2 juta pada tahun 1970. Poland juga menunjukkan peningkatan, dengan nilai eksport bermula pada RM29.6 juta pada tahun 1967 dan meningkat kepada RM41.2 juta pada tahun 1970. Czechoslovakia, walaupun bermula dengan nilai eksport yang rendah iaitu RM0.1 juta pada tahun 1967, mencatatkan peningkatan yang signifikan kepada RM19.3 juta pada tahun 1970. Walaupun dasar luar Malaysia pada masa itu lebih memfokuskan kerjasama ekonomi dan politik dengan negara-negara Eropah Barat, aktiviti perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur tetap menunjukkan perkembangan yang positif. Perubahan ini menjadi lebih ketara semasa era Tun Abdul Razak, di mana kerajaan Malaysia mula melihat potensi besar dalam mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur, termasuk peluang untuk menarik lebih banyak pelaburan dari rantau tersebut.

Jadual 4. *Nilai eksport Malaysia ke negara Eropah.*

Negara	1967	1968	1969	1970
Czechoslovakia	0.1	3.7	21.9	19.3
Poland	29.6	41.4	64.5	41.2
Rusia	195.9	202.0	240.0	212.2

Sumber: Department of Statistic (1980). Annual Statistics of External Trade 1980. Vol. 1 Malaysia, Kuala Lumpur.



Rajah 1. Eksport negara Eropah Timur RM Juta (Malaysia).

Hubungan ekonomi era Tun Abdul Razak dan negara Eropah Timur

Pada era pemerintahan Tun Abdul Razak dari tahun 1970 hingga 1977, perdagangan Malaysia mula menunjukkan peningkatan yang ketara. Hal ini seiring dengan pelaksanaan dasar luar yang lebih neutral dan pragmatik oleh Tun Abdul Razak. Beliau mengambil langkah proaktif dengan menjalin kerjasama ekonomi dengan negara-negara berideologi komunis, termasuk China, USSR, dan beberapa negara Eropah Timur (Nathan, 1987). Langkah ini mencerminkan perubahan sikap Malaysia yang lebih terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara yang sebelumnya dianggap sebagai "blok Timur." Antara negara-negara Eropah Timur yang mula menjalin kerjasama ekonomi dan teknikal dengan Malaysia pada era tersebut ialah USSR, Poland, Romania, Yugoslavia, dan Czechoslovakia. Kerjasama ini melibatkan pelbagai bidang, termasuk perdagangan, pertukaran teknologi, dan pembangunan industri, yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa itu. Dasar ekonomi yang dilaksanakan pada era Tun Abdul Razak mencerminkan pendekatan pragmatik dalam membangunkan ekonomi negara. Dasar ini bukan sahaja berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat tetapi juga mengukuhkan sektor perdagangan Malaysia. Tun Abdul Razak menumpukan perhatian kepada tiga indikator ekonomi utama. Pertama, pembangunan ekonomi luar bandar untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar. Kedua, memajukan pertanian komersial yang berorientasikan eksport bagi meningkatkan pendapatan negara. Ketiga, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Pembangunan ekonomi pada era Tun Abdul Razak berkembang dengan pesat, menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran globalisasi dan pemodenan pada dekad 1970-an. Atas sumbangan besarnya dalam memacu pembangunan ekonomi luar bandar dan sektor pertanian, Tun Abdul Razak sering digelar sebagai 'Bapa Pembangunan Malaysia.' Beliau telah melaksanakan pelbagai perancangan ekonomi yang menyumbang kepada transformasi sosioekonomi negara.

Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak bagi membasmi kemiskinan dan juga jurang sosial ekonomi masyarakat Melayu dengan kaum yang lain dianggap sebagai suatu dasar yang holistik bagi memulihkan semula ekonomi negara. Selain itu, pembangunan tanah baharu untuk aktiviti komersial perladangan getah dan kelapa sawit dianggap suatu inspirasi kepada kemajuan ekonomi terhadap eksport pertanian. FELDA terus membangunkan tanah rancangan dan pembukaan tanah baharu untuk pertanian berskala besar. Ini merupakan suatu inspirasi mengubah nasib masyarakat yang terlibat dalam sektor pertanian sara diri kepada pertanian komersial. Tun Abdul Razak begitu komited dalam memajukan dasar ekonomi baru dengan menjadi matlamat utama dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga (Ibrahim, 2022).

“Perlaksanaan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) berlandaskan prinsip asas bahawa ia akan dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang, bukan dengan mengambil hak dan keistimewaan sedia ada daripada golongan yang sudah memiliki untuk diberikan kepada golongan yang kurang memiliki. Perkara ini telah pun dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan akan terus menjadi asas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) serta tempoj rancangan masa depan”

(TR 12:10:75).

Tun Abdul Razak turut meningkatkan aktiviti perdagangan dengan menjadikan beberapa pelabuhan sebagai zon perdagangan bebas bagi menggalakkan aktiviti perdagangan di dalam negara. Dalam, DEB telah menitikberatkan sektor perdagangan dan perindustrian tidak hanya kepada pertanian sahaja. Pada 16 Mac 1971, Zon perdagangan bebas mula diperkenalkan di Pelabuhan Pulau Pinang. Menteri Kewangan, Tan Siew Sin telah membuat pengumuman di Dewan Rakyat dengan menyatakan bahawa pelabuhan dan perdagangan bebas ini sebagai suatu usaha untuk membangunkan ekonomi. Peningkatan sektor industri sudah mula berkembang daripada hanya 8% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1961 kepada 17% KDNK pada tahun 1975. Ini telah menunjukkan bahawa DEB juga sudah mula mengorak langkah dalam pembangunan ekonomi melalui sektor perindustrian. Ini turut melibatkan Kerjasama industri dengan negara Eropah Timur bagi meluaskan Kerjasama dan tidak terhad hanya Kerjasama perdagangan (Ibrahim, 2022). Tun Abdul Razak juga memfokuskan pembangunan ekonomi berasaskan pertanian komersial berorientasikan eksport. Sektor pertanian begitu pesat dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2). Selain itu, kemampuan dasar Tun Abdul Razak diukur dengan Rancangan Malaysia Kedua bagi merancang pembangunan ekonomi yang lebih maju. Peruntukkan sebanyak RM 4.35 billion dalam RMK-2 memacu Malaysia dalam pembangunan ekonomi yang dinamik dalam pemasaran dan industri dengan membangunkan kesatuan antara rakyat Malaysia dalam ekonomi. Komoditi kelapa sawit dan getah terus dipertingkatkan kerana mendapat permintaan yang luas terhadap komoditi berkenaan. Ini telah dinyatakan oleh Tun Abdul Razak dalam ucapan beliau yang bersetuju meningkatkan peruntukkan dalam sektor pertanian.

“Oleh itu, kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$1,956 juta untuk perkembangan pertanian dalam Rancangan Malaysia Kedua. Ini bermakna lebih kurang 27% daripada jumlah peruntukan \$7,250 juta dalam sektor awam adalah

bagi perkembangan bidang pertanian dan ini adalah peruntukan yang terbesar sekali berbanding dengan bidang Pengangkutan (16%), Pertahanan (11%) dan Pelajaran (7.4%).”

(TR 2:12:71)

Pada 16 Mei 1971, industri kelapa sawit Malaysia meningkat dengan peningkatan harga sawit dalam pasaran dunia. Industri perladangan di Malaysia mempunyai 70 000 ekar di awal tanaman dengan anggaran keluasan 665, 000 ekar pada tahun 1970. Sektor pertanian pernah mengalami masa yang sukar ketika era Tun Abdul Razak. Ketika kegawatan ekonomi pada 1974, Tun Abdul Razak memperkenalkan Rancangan Buku Hijau kesinambungan daripada buku Merah yang diperkenalkan ketika era Tunku Abdul Rahman. Buku Hijau ini bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti tanaman makanan.

“Sebagai langkah anti-inflasi kita telah melancarkan Rancangan Buku Hijau yang bertujuan menggalakkan semua rakyat baik di kampung mahupun di bandar bercucuk tanam dan berternak supaya kita dapat mengeluarkan barang-barang untuk kegunaan sendiri dan dengan itu menahan tekanan inflasi.”

(TR 7:6:75)

Selain itu, pemprosesan hasil pertanian atau industri pertanian turut digalakkan bagi meningkatkan nilai tambah hasil pendapatan sektor pertanian. Fokus pertanian yang dibawa oleh Tun Abdul Razak telah menjadikan Malaysia mampu mengimport barang komersial berasaskan pertanian. Peluang ini juga melibatkan pasaran antarabangsa termasuk dengan negara Eropah Timur.

“...Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita khasnya langkah-langkah kita bagi menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mencapai matlamat penyertaan 30% kaum Bumiputra dalam aktiviti-aktiviti perusahaan dan perniagaan pada masa akan datang ini baik di peringkat besar ataupun di peringkat kecil.”

(TR 1:4:73)

Fokus pembangunan ekonomi Tun Abdul Razak adalah Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB adalah idea Tun Abdul Razak dibantu Dr Ismail dan Ghazali Shafie dalam mengubal DEB. Walaupun DEB dilihat sebagai suatu strategi membangunkan ekonomi bumiputera dan merapatkan jurang ekonomi dengan kaum Melayu, Cina dan India, namun pelaksanaannya bersifat kepada memajukan pembangunan ekonomi negara secara umumnya. Ini dapat dilihat dengan lima strategi Tun Abdul Razak dalam DEB yang telah memfokuskan plan jangka panjang dalam pembangunan ekonomi. Pertama, meningkatkan dua kali ganda rancangan kemajuan tanah seluas sejuta ekar untuk memberi pekerjaan dan pendapatan kepada 100 000 orang yang terlibat. Kedua, meningkatkan penanaman semula getah untuk pekebun-pekebun kecil dengan sasaran 685,00 ekar dan mewujudkan kilang pemprosesan getah. Ketiga, menggalakkan pemodenan sektor sains dan teknologi dalam perikanan dan ternakan (Ibrahim, 2022). Meluaskan rancangan pertanian, peraturan-peraturan kredit dan pemasaran dengan lebih tersusun dan kelima, menyediakan kemudahan prasarana kesihatan, elektrik, bekalan air dan jalan raya di bandar dan desa. Pemantapan objektif DEB oleh Tun Abdul Razak telah membuktikan bahawa beliau begitu memfokuskan pembangunan ekonomi luar

bandar bagi merapatkan jurang kemudahan dan taraf hidup ekonomi masyarakat luar bandar. Melalui dasar ekonomi inilah Tun Abdul Razak telah menjadi landasan kepada minat pelabur asing untuk menjalankan pelaburan dan Kerjasama ekonomi yang mampu memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara. Ini bukan sahaja mengfokuskan negara Eropah Barat malah melibatkan negara Eropah Timur dengan beberapa lawatan rasmi dalam mempertingkatkan Kerjasama ekonomi dengan negara Eropah Timur.

Jadual 5 menunjukkan nilai eksport, import dan imbalan Perdagangan Malaysia dengan negara Eropah Timur 1973 and 1974. Perdagangan eksport dan import antara Malaysia dan negara Eropah Timur menunjukkan peningkatan daripada 406.9 juta nilai eksport pada tahun 1973 meningkat kepada 662.2 juta pada tahun 1974. Begitu juga nilai import Malaysia dengan Eropah Timur daripada 39.4 juta pada tahun 1973 kepada 56.7 juta pada tahun 1974. Ini menunjukkan bahawa peningkatan perdagangan dibantu oleh Kerjasama ekonomi yang lebih luas antara Malaysia dan juga negara-negara Eropah Timur. Komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan dibawah kepimpinan Tun Abdul Razak yang mengfokuskan pembangunan ekonomi telah menyebabkan pelbagai dasar dan rancangan ekonomi yang dijalankan. Pertama FELDA dan FELCRA telah dibangunkan untuk memajukan sektor perladangan getah dan kelapa sawit termasuk pekebun kecil. Program ini bukan sahaja dapat membangunkan sosioekonomi masyarakat tempatan malah membangunkan ekonomi negara. Ini dapat dilihat dengan permintaan yang tinggi terhadap komoditi getah dan kelapa sawit dalam pasaran antarabangsa. Dengan pembukaan tanah Felda untuk penanaman getah dan kelapa sawit telah menyebabkan kerajaan cuba mencari pasaran baru di Eropah termasuk negara-negara eropah timur yang turut menyumbang dalam mengeksport getah dan kelapa sawit. Negara-negara Eropah Timur telah mengeksport getah di Tanah Melayu sejak kemerdekaan negara lagi.

Jadual 5. Nilai eksport, import dan imbalan perdagangan (Malaysia).


Negara	Eksport		Import		Imbalan perdagangan	
	1973	1974	1973	1974	1973	1974
Eropah Timur	406.9	662.2	39.4	56.7	367.5	605.5

Rajah 2 dan *Jadual 6* menunjukkan nilai perdagangan import dan eksport bagi negara-negara Eropah Timur dari tahun 1978 sehingga 1980. Antara negara-negara Eastern Europe yang terlibat dalam hubungan dengan Malaysia adalah Bulgaria, Czechoslovakia, Hungary, Poland, Rumania, U.S.S.R, Yugoslavia dan Germany Democratic Republic. Secara keseluruhan, nilai import dan juga eksport menunjukkan peningkatan iaitu dari nilai import bagi negara Eropah Timur RM51.6 Juta pada tahun 1978 meningkat kepada RM 167.6 Juta. Ini menunjukkan hubungan dua hala dalam kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara eropah timur mula menunjukkan peningkatan. Begitu juga, nilai eksport menunjukkan peningkatan daripada RM627.0 Juta pada tahun 1978 meningkat kepada RM1,005.8 Juta pada tahun 1980. Peningkatan ini banyak didorong oleh peningkatan eksport Malaysia dalam komoditi getah dan kelapa sawit yang mendapat permintaan yang tinggi terutama dalam sektor huluan dan hiliran getah dan kelapa sawit. Ini dibukti kerjasama kerajaan Yugoslavia bersama Malaysia dalam mendapatkan getah asli untuk sektor perindustrian dibawah MARDEC Berhad merupakan konglomerat bersepadu dengan jaringan ke seluruh dunia dan

terlibat dalam perdagangan dan pengeluaran Getah dan Polimer. Syarikat ini diperbadankan pada tahun 1970 dan berpusat di Ampang, Selangor.

Jadual 6. Nilai dagangan negara-negara Eropah Timur dari tahun 1978-1980.

Negara	Import			Eksport		
	1978	1979	1980	1978	1979	1980
Bulgaria	1.0	2.3	1.7	54.5	53.1	29.0
Czechoslovakia	5.9	6.8	8.2	52.2	62.9	74.5
Hungary	0.5	1.6	4.3	9.9	3.7	14.2
Poland	11.2	42.2	41.0	84.0	92.5	94.4
Rumania	10.9	24.3	24.0	19.3	40.0	35.9
USSR	14.4	21.4	57.0	325.6	567.1	629.5
Yugoslavia	5.6	12.3	25.0	53.7	73.9	99.5
Germany Democratic Rep.	2.1	7.9	5.6	27.8	44.8	28.8
Jumlah	51.6	118.8	167.6	627.0	938.1	1,005.8



Rajah 2. Import dengan negara Eropah Timur 1978-1980.

Pelaburan ekonomi dengan negara Eropah Timur

Ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, banyak lawatan rasmi dalam ekonomi dan perdagangan dilakukan di negara-negara Eropah Timur. Tujuan lawatan ini bagi menjalankan perjanjian ekonomi dan Teknik dengan beberapa negara Eastern Europe bagi melihat peluang jangka Panjang dalam pelaburan dan perdagangan. Tun Abdul Razak merupakan pemimpin yang berwawasan jauh dengan melihat baharu potensi negara Eropah Timur sebagai rakan dalam pelaburan terutama dalam komoditi getah dan kelapa sawit. Selain itu, peluang pelaburan dalam komoditi kelapa sawit terus dibangunkan Bersama dengan negara-negara Eastern Europe yang lain. Ini dibuktikan dengan beberapa perjanjian dengan negara Eropah Timur seperti Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dengan kerajaan Republik Sosialis Romania pada 17 September 1970. Diikuti dengan perjanjian ekonomi dan teknikal antara Bulgaria dan Malaysia pada 14 Jun 1971 di Sofia, Bulgaria. Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dengan USSR pada 4 Oktober 1972 di Moscow, Rusia. Serta Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal antara Malaysia dan Czechoslovakia pada 20 November 1972. Selain itu, terdapat juga lawatan daripada negara Yugoslavia ke ladang kelapa sawit di Malaysia pada tahun 1975. Lawatan ini bertujuan untuk melihat peluang pelaburan dan

perdagangan kelapa sawit dalam sektor ekonomi hiliran dan huluan bagi perancangan jangka panjang. Ketika Tun Abdul Razak menjadi perdana Menteri kedua perang dingin antara Amerika Syarikat dan Soviet Union masih lagi berlangsung namun ia tidak menjejaskan hubungan ekonomi dengan negara-negara sosialis yang lain seperti China, Republik Sosialis Yugoslavia dan Soviet Union. Peningkatan pelaburan dapat dilihat dalam peratusan SDNK dan PDNK dimana nilai SDNK bagi tahun 1966-1970 iaitu 18.2% meningkat kepada 21.1% pada tahun 1970-1975 dan terus meningkat kepada 30.3% pada 1976-1980. Begitu juga dengan nilai pelaburan negara yang teruk meningkat mengikut data PDNK dari 16.5% pada tahun 1966-1970 kepada 24.9% pada tahun 1970-1975 dan terus meningkat kepada 28.1 % pada tahun 1976-1980. Ini disebabkan perancangan ekonomi yang lebih holistik dalam pembangunan ekonomi telah menarik minat pelabur asing dan memberi keyakinan kepada negara asing memberi bantuan dana kewangan bagi memajukan ekonomi negara.

“Perlu diperhatikan bahawa menjelang tahun 1968, Kesatuan Soviet telah menjadi pengimport terbesar getah Malaysia (komoditi eksport utama negara), menyumbang hampir 15 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Pengumuman hubungan diplomatik rasmi pada tahun 1967 diikuti dengan penghantaran wakil perdagangan Soviet ke Kuala Lumpur. Dua tahun kemudian, Pameran Perdagangan dan Perindustrian Rusia yang pertama diadakan di Kuala Lumpur dengan nilai barangan melebihi AS\$600 juta, menunjukkan peningkatan dalam hubungan ekonomi dua hala antara kedua negara”

(Nathan, 1987).

Hubungan Malaysia dengan USSR dalam ekonomi diperkukuhkan lagi dengan Perjanjian Kerjasama ekonomi dan Teknik antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Kesatuan Republik-Republik Sosialis Soviet. Tujuannya bagi meningkatkan dan memajukan kerjasama ekonomi dan Teknik yang lebih kukuh antara kedua-dua negara. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 4 Oktober 1972 di Moscow, USSR yang ditandatangani oleh Tun Abdul Razak Bersama pengerusi Majlis Menteri-menteri USSR iaitu A. N. Kosygin. Perjanjian Kerjasama ekonomi dan Teknik dengan negara-negara Eropah Timur merupakan suatu peluang pelaburan baharu yang tidak terhad hanya dalam kerjasama perdagangan.

Kesimpulan

Secara umumnya, walaupun Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat dan anti-komunis pada tahun-tahun awal kemerdekaan, ia tidak memberi kesan yang signifikan terhadap perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur. Walaupun dasar yang jelas di bawah pemerintahan Tunku Abdul Rahman adalah untuk menjalin hubungan dengan negara-negara pro-Barat yang disokong oleh Amerika Syarikat, hubungan ekonomi dengan negara-negara Eropah Timur seperti USSR tetap diteruskan dalam sektor perdagangan, walaupun dengan nilai yang kecil, meskipun negara-negara tersebut berideologi komunis dan sosialis. Keadaan ini tidak menjejaskan hubungan perdagangan kerana perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur tetap berlaku, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil berbanding negara-negara Eropah Barat. Namun, apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, beliau mengubah dasar luar Malaysia kepada dasar berkecuali dan tidak berpihak. Perubahan ini membolehkan

kerjasama ekonomi dan perdagangan bebas tanpa sekatan politik dan ideologi. Keadaan ini membuka peluang yang lebih besar untuk kerjasama dengan negara-negara Eropah Timur, terutamanya USSR, Yugoslavia, dan Romania. Semasa era Tun Abdul Razak, beberapa perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal telah dimeterai dengan negara-negara Eropah Timur, memberikan peluang yang lebih luas untuk kerjasama ekonomi. Tun Abdul Razak juga melaksanakan pembangunan ekonomi tempatan secara besar-besaran melalui program FELDA dalam sektor getah dan kelapa sawit, yang membolehkan negara-negara Eropah Timur mengimport minyak sawit dari Malaysia. Ini dibuktikan dengan USSR yang mula mengimport minyak sawit sejak tahun 1978 dan peningkatan berterusan dalam eksport minyak sawit ke USSR, Yugoslavia, dan Poland pada awal tahun 1980-an. Begitu juga, beberapa syarikat asing dan pelaburan telah menandatangani perjanjian kerjasama industri, seperti dengan Yugoslavia, yang telah meningkatkan perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya atas pembiayaan penyelidikan ini di bawah “Early Career” Fakulti Sastera dan Sains Sosial 2024, UMG0004J-2024. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Drabble, J. (2000): *An economic history of Malaysia, c. 1800-1990: The transition to modern economic growth.* – Springer 320p.
- [2] Dodd, J.W. (1969): *The Colonial Economy, 1967: The Case of Malaysia.* – *Asian Survey* 9(6): 438-446.
- [3] Frankel, J. (1963): *The making of foreign policy: An analysis of decision-making.* – London, UK: Oxford University Press 231p.
- [4] Ibrahim, M.A. (2022): *Malaysia's Trade and Economy Transition between the Era of Tunku Abdul Rahman and Tun Mahathir, 1960s-1990s.* – *SEJARAH: Journal of the Department of History* 31(1): 25-40.
- [5] Lenche, C.O., Samad, A.A. (1963): *Concept of International Politics.* – London: Princeton Hall Inc. Englewood Chiffs 314p.
- [6] Mas'oed, M. (1994): *Ilmu hubungan international: disiplin dan metodologi.* – Penerbit PT Pustaka LP3ES 380p.
- [7] Nathan, K.S. (1987): *Malaysia and the Soviet Union: A relationship with a distance.* – *Asian Survey* 27(10): 1059-1073.
- [8] Omar, R. (2014): *An analysis of the underlying factors that affected Malaysia-Singapore relations during the Mahathir era: Discords and continuity.* – University of Adelaide 372p.

- [9] Saravanamuttu, J. (2010): Malaysia's foreign policy: the first fifty years: alignment, neutralism, Islamism. – Institute of Southeast Asian 389p.
- [10] White, B. (1989): Analysing foreign policy: Problems and approaches. – Understanding Foreign Policy 26p.